

‘URF DAN KESANNYA TERHADAP HUKUM ISLAM DI NEGERI KEDAH

(‘URF AND AFFECT THE ISLAMIC LAW IN THE STATE OF KEDAH)

Hazizan Mat Desa¹
Alias Azhar²

Abstrak

Makalah ini menghuraikan ‘urf secara terperinci bagi memberikan penjelasan terhadap ‘urf dari sudut teorinya dan aplikasi pemakaiannya dalam masyarakat di negeri Kedah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ‘urf merupakan salah satu sumber hukum yang diiktiraf oleh syarak. Dapatan ini diperkuat melalui penggunaan ‘urf dalam masyarakat dan diiktiraf oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. Selain itu, kajian ini juga menyatakan bahawa ‘urf yang tidak bertentangan dengan syarak boleh memberi kesan kepada hukum syarak di negeri Kedah.

Kata kunci : ‘Urf, Syariah, Sumber Hukum, Fatwa

Abstract

This article describes in detail the ‘urf in order to further explain the context from its theoretical and application among the community in the state of Kedah. The findings of this article indicate that the ‘urf is one of the sources of Islamic Law recognized by the Islamic Legislation. This finding is reinforced through the use of it in the community and recognized by the Kedah State Fatwa Committee. In addition, this article also revealed that the ‘urf which is in-contradicted to the Islamic Legislation may affect the Islamic Law in the State of Kedah.

Keywords : ‘Urf, Syariah, Source Of Law, Fatwa

2016 GBSE Journal

Pendahuluan

Pengaruh ‘urf tempatan sebagai suatu sumber hukum telah digunakan dengan meluas di dalam Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa pengaruh ‘urf di dalam masyarakat Arab

¹ merupakan calon PhD di Universiti Utara Malaysia dan Pegawai Tadbir Kanan di Jabatan Agama Islam Kedah. Emel: syeikhazizan@gmail.com (corresponding author)

² Profesor Madya, Pusat Pengajian Undang-Undang, UUM-COLGIS, 06010 UUM Sintok, Kedah. Emel: az.alias@uum.edu.my, Pusat Pengajian Undang-undang, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: +6049283018

telah membawa kepada perubahan yang besar dalam menentukan sesuatu hukum seperti wujudnya *qaul qadim* dan *qaul jadid* di dalam mazhab Syafie. Di Malaysia pula, pengaruh *'urf* tempatan yang tidak bertentangan syarak telah digunapakai sejak sekian lama sehingga kini dan *'urf* juga digunakan sebagai suatu sumber hukum, ini bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam surah al-A'raf, 7:199.

Maksudnya: Terimalah apa yang mudah Engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara Yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang Yang jahil (yang degil dengan kejahilannya).

Pengertian *'Urf*

Perkataan *'urf* berasal dari perkataan Arab *'urf* iaitu terbitan bagi kata dasar *al-Irfan* beerti al-ilmu ertinya mengetahui. Lawan kepada perkataan *'urf* ialah *al-Nukr* ertinya engkarkan sesuatu, samar dan tidak tenang (Idris Merbauwi, 1990). *'urf* juga dikenali dengan *'adat* yang membawa maksud kebiasaan bagi seseorang atau segolongan manusia (Othman Ishak, 1981). Dari pengertian bahasa, *'urf* bermaksud sesuatu yang ma'ruf, biasa diamalkan, yang dikira baik dan diterima oleh akal yang sejahtera (Md Salleh, 2000). *'Urf* juga ialah sesuatu yang telah menjadi kebiasaan kepada masyarakat dalam kehidupan harian sama ada perkataan atau amalan (Zaydan, 1987).

Pembahagian *'urf*

'Urf terbahagi kepada dua kategori iaitu:

Pertama: iaitu *'urf* atau *'adat* yang tidak berubah sekalipun berlaku masa atau tempat. Ia adalah *'adat* yang diistilahkan sebagai “tabiat semulajadi manusia” seperti makan, minum, tidur dan sebagainya. Kedua : iaitu *'urf* yang sifatnya berubah mengikut perubahan masyarakat dan persekitaran (Ahmad al-Zarqa, 1989). Kategori inilah yang diperbincangkan oleh para fuqaha. Ianya wujud di zaman Rasulullah atau di zaman selepasnya.

Dalam sejarah perundangan Islam, para fuqaha membahagikan *'urf* jenis yang kedua ini kepada dua katategori iaitu :

Pertama: iaitu *'urf* yang ada di zaman Rasulullah s.a.w. Jenis ini termasuk sedikit sebanyak *'adat* orang-orang Arab yang sedia ada di amalkan sejak sebelum dibangkitkan Nabi Muhammad s.a.w. menjadi Rasul dan diperakui oleh Nabi s.a.w. sendiri. Pada prinsipnya , fuqaha secara umumnya menerima apa yang Nabi Muhammad s.a.w. kata, buat dan akui. Oleh kerana jenis ini mempunyai kaitan dengan Hadith, maka adalah dianggap sebagai suatu dasar dalam pembentukan undang-undang yang mempunyai autoriti (Othman Ishak, 1997). Kedua : iaitu *'urf* yang muncul selepas zaman Nabi Muhammad s.a.w. *'urf* jenis ini melahirkan perbezaan pendapat di kalangan sesetengah fuqaha sama ada menerima atau menolak apabila *'urf* tersebut bertentangan dengan sumber-sumber hukum yang lain. Pendapat-pendapat yang berbeza bukan sahaja berlaku antara mazhab, bahkan berlaku juga didalam kalangan pengikut mazhab yang sama (Othman Ishak,1997).

'Urf atau 'adat mempunyai pecahan-pecahan seperti '*urf qawly*, '*urf amaly*, '*urf am*, '*urf khass*, '*urf sahih* dan '*urf fasid* (Mohd. Salleh, 2000). Hanya '*urf sahih* dan '*urf fasid* sahaja yang mempunyai kesan langsung terhadap perbincangan dalam hukum syarak. Adapun selebihnya adalah lebih kepada pembahagian dari sudut bahasa dan pengertian.

Pecahan-pecahan '*urf* adalah seperti berikut:

(1) '*urf qawly* (perkataan) ialah apa yang biasa difahami dari lafaz yang digunakan oleh anggota masyarakat apabila dituturkan. Contohnya penggunaan perkataan anak membawa makna anak lelaki dan perempuan sekaligus, manakala perkataan *al-walad* merujuk kepada anak lelaki sahaja dan apabila disebut daging, maka ia tidak memasukkan pengertian ikan ke dalamnya dan lain-lain (al-Qaradhawi, 1985). Ini berdasarkan dalil al-Quran seperti berikut:

a) Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa, 4:11.

Maksudnya: Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta Yang ditinggalkan oleh si mati. dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta Yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang Yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat Yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya Yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti Yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

b) Firman Allah SWT dalam surah an-Nahl, 16:14.

Maksudnya: Dan Dia lah Yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging Yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) Engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; dan supaya kamu bersyukur.

(2) '*urf amaly* (perbuatan) ialah perbuatan yang biasa dilakukan oleh anggota masyarakat seperti jual beli berunjuk-unjukan iaitu jual beli tanpa akad, pembahagian mahar kepada tunai dan hutang, penggunaan air tanpa had di bilik air awam dengan bayaran yang sama dan lain-lain (al-Qaradhawi, 1985).

(3) '*urf am* (umum) ialah sesuatu yang menjadi 'adat resam dan dihayati oleh anggota masyarakat dari pelbagai lapisan di seluruh negeri atau pun ia tersebar dan meluas pemakaiannya di negeri-negeri Islam. Contohnya pemakaian perkataan *dabbat*, hanya untuk binatang berkaki empat sahaja, tidak kepada manusia atau lafaz talak tidak digunakan kecuali untuk merungkaikan suatu perkahwinan sahaja (Mohd. Salleh, 2000). Begitu juga

'urf dalam pemberian nafkah kepada ibu yang tidak ditentukan jumlah seperti firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, 2:233.

Maksudnya: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan Yang tersebut (jika si bapa tiada). kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu Dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) Yang kamu mahu beri itu Dengan cara Yang patut. dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, Sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua Yang kamu lakukan.

(4) 'urf khas (Khusus) ialah sesuatu yang menjadi kebiasaan kepada setengah masyarakat atau negeri atau di kalangan ahli professional atau di kalangan golongan tertentu seperti 'urf ahli perniagaan, pertanian, ahli bahasa dan sebagainya (Mohd Salleh, 2000).

(5) 'urf sah ialah 'urf yang tidak menyalahi hukum syarak, tidak menghapuskan *maslahat muktabar* dan tidak menarik *mafsadat* yang ditolak oleh syarak, antara contohnya ialah 'urf dalam amalan memberi hadiah perkahwinan tidak di kira sebagai sebahagian daripada mahar yang wajib, pemberian-pemberian dan balasannya dalam pertunangan dan mengadakan kenduri kendara semasa majlis perkahwinan mengikut 'urf tempatan masing-masing (Zaydan, 1987).

(6) 'urf fasid pula ialah kebiasaan yang bercanggah dengan kehendak syarak seperti perkara yang boleh membawa mudarat atau yang tertolaknyanya maslahat seperti 'urf masyarakat yang menggunakan akad batil yang mengandungi unsur riba, menggunakan arak dan sebagainya (Zaydan, 1987).

Syarat-Syarat Penerimaan Pengaruh 'urf Sebagai Sumber Hukum

Pada asasnya 'urf diambil kira sebagai hukum apabila ia memenuhi beberapa syarat seperti berikut:

(1) 'Urf itu tidak berlawanan dengan nas dari semua aspek seperti bermuamalat dengan riba, menghidangkan arak dalam suatu majlis, mendedahkan aurat dan sebagainya.

Bagaimanapun jika kedudukan 'urf itu tidak berlawanan dengan nas dari semua aspek maka 'urf itu tidak dianggap berlawanan, bahkan boleh diamalkan di dalam lingkungannya. Sementara nas pula hendaklah diamalkan di dalam perkara –perkara selain dari yang dikehendaki oleh 'urf seperti *aqd istisna* (akad tempahan), pada hakikatnya adalah jualan sesuatu yang tidak ada (*bay al-ma'dum*) dalam syariat Islam tidak diharuskan. Tetapi *al-istisna* diharuskan kerana telah menjadi kebiasaan masyarakat yang mengamalkannya tanpa

bantahan. Maka amalan yang lain daripada istisna' tetap dilarang kerana berdasarkan kaedah “ tidak harus menjual sesuatu yang *ma'dum*”.

(2) *'Urf* itu telah diamalkan oleh masyarakat secara menyeluruh, meluas dan berterusan, kalaupun ada yang tidak mengamalkannya jumlahnya amat sedikit. Maka memadailah ia diamalkan oleh sebahagian anggota masyarakat. Syarat ini disebut sebagai *ghalib*.

(3) *'Urf* atau 'adat yang akan dirujuk dalam sesuatu tindakan itu sudah wujud ketika hendak dilakukan tindakan itu. Maksudnya kejadian *'urf* itu telah mendahului waktu tindakan dan berterusan hingga masa berlakunya tindakan itu. Oleh yang demikian, tidak harus diamalkan *'urf* yang baru timbul setelah akad. Maka *'urf* yang mendahului sesuatu ketetapan hukum sahaja dikira *'urf* yang sah, sedangkan perubahan yang berlaku ke atas *'urf* setelah akad tidak boleh diambil kira.

Oleh yang demikian sandaran-sandaran waqaf, wasiat, jual beli dan dokumen (sijil) perkahwinan mestilah ditafsirkan berdasarkan *'urf* yang ada pada zaman mereka yang melakukan tindakan itu, bukan *'urf* yang berlaku selepas zaman mereka. Umpamanya jika seseorang yang mewakafkan tanahnya untuk ulama atau penuntut ilmu, sedangkan *'urf* yang ada ketika wakaf itu, maksud ulama ialah mereka yang alim dalam urusan agama dan penuntut ilmu itu pula dimaksudkan pelajar-pelajar agama sahaja, tanpa disyaratkan wujud saksi. Walaupun *'urf* yang muncul kemudian bermaksud kesemua jenis ulama dan penuntut ilmu atau memastikan ada saksi, seperti firman Allah SWT dalam surah at-Thalaq, 65: 2.

Maksudnya: Kemudian, apabila mereka (hampir) habis tempoh idahnya, maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) Dengan cara Yang baik, atau lepaskan mereka Dengan cara Yang baik; dan adakanlah dua orang saksi Yang adil di antara kamu (semasa kamu merujuk atau melepaskannya); dan hendaklah kamu (yang menjadi saksi) menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata. Dengan hukum-hukum Yang tersebut diberi peringatan dan pengajaran kepada sesiapa Yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan sesiapa Yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari Segala perkara Yang menyusahkannya).

(4) Tidak wujud sesuatu perkataan atau perbuatan yang jelas menyalahi *'urf*. Apabila dua pihak berkontrak bersetuju mengetepikan *'urf* yang ada dalam masyarakat mereka, maka mereka tidak lagi terikat dengan *'urf* yang ada. Mereka hanya terikat dengan *'urf* selagi mana mereka berdiam diri mengenainya atau tidak memperincikannya. Ini berdasarkan suatu kaedah fiqqiah yang menyatakan “setiap hukum thabit berdasarkan *'urf*, tetapi apabila dua orang berakad berterus terang mengetepikannya dan bersetuju dengan syarat yang selari dengan maksud akad, maka sah akad dan syarat itu (Mohd Salleh, 2000).

Pengaruh *'Urf* Terhadap Hukum Di Negeri Kedah

Negeri Kedah ialah salah sebuah negeri di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian amalan yang dijadikan sebagai *'urf* di dalam masyarakat. Kebanyakan *'urf* yang diamalkan di negeri Kedah adalah dianggap baik dan diterima oleh kebanyakan masyarakat dan tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syarak atau dengan kata lain ianya adalah *'urf* soheh serta umum yang boleh di ambil kira sebagai sumber hukum. Bagi tujuan artikel ini, penulis hanya akan

mengemukakan beberapa contoh *'urf* yang diamalkan di negeri Kedah dan menjadi satu amalan yang memberi kesan kepada hukum syarak.

Pertama, Mengadakan Kenduri Tahlil

Hakikatnya, sudah menjadi kelaziman kepada masyarakat di negeri Kedah untuk mengadakan Kenduri Tahlil atau Kenduri Arwah selepas berlakunya kematian anggota keluarganya. Pada kebiasaannya kenduri itu diadakan pada malam pertama, kedua, ketiga ketujuh, hari keempat puluh dan hari keseratus dan kemudiannya diikuti pada waktu-waktu yang munasabah. Di dalam majlis tahlil ini lazimnya seorang imam akan di jemput untuk mengetuai bacaan surah Yaasin dan diikuti dengan bacaan tahlil arwah. Sebenarnya amalan ini tidak sabit secara langsung di dalam al-Quran mahupun Hadis dan begitu juga para sahabat atau para tabiin. Malah ia hanya merupakan amalan kebiasaan masyarakat Islam di negeri Kedah sejak zaman dahulu lagi.

Menurut Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah di dalam Buku Himpunan Fatwa (t.t) menyatakan bahawa mengadakan kenduri kematian yang melibatkan harta si mati, harta pusaka dan harta anak-anak yatim tidak diharuskan tetapi mengadakan kenduri arwah seperti amalan sesetengah masyarakat di mana keluarga si mati menyediakan makanan kepada orang yang menziarahinya tidak merupakan kesalahan di sisi syarak bahkan dikira sebagai amal kebajikan jika tujuan tersebut adalah bermuafakat berdoa dan memohon rahmat daripada Allah SWT untuk si mati, dengan syarat diadakan kenduri itu bukan untuk tujuan riya' tetapi ikhlas kerana Allah. Meskipun begitu, Jawatankuasa ada merujuk kepada satu hadis bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda “Sediakan oleh kamu makanan untuk keluarga Jaafar Bin Abi Talib dan hantarkan kepada mereka”. Justeru itu, adalah digalakkan supaya kaum kerabat dan jiran-jiran memberi makanan kepada keluarga si mati kerana mereka sibuk dengan si mati. Ini kerana perbuatan tersebut merapatkan hubungan kasih sayang dan mengambil berat terhadap kesusahan yang sedang di timpa oleh jiran.

Walaupun Jawatankuasa merujuk kepada Hadis ini, namun mereka bersetuju juga bahawa amalan *'urf* mengadakan kenduri tahlil atau kenduri arwah itu hukumnya adalah harus. Oleh itu amalan *'urf* ini perlu diteruskan kerana ianya sangat berfaedah kepada orang-orang Islam khususnya di negeri Kedah. Antara faedah mengadakan kenduri arwah ialah memberi peluang dan dorongan kepada umat Islam untuk sama-sama berzikir dan berdoa' menghadihkannya kepada mereka yang telah meninggal dunia, disamping dapat mengeratkan ikatan silaturrahim sesama umat Islam. Manakala bagi golongan yang tidak mahir dalam berdoa dan berwirid, maka inilah peluang terbaik bagi mereka untuk berbuat demikian.

Kedua, Harta Sepencarian

Menurut kelaziman di negeri Kedah, suami isteri di dalam masa perkongsian hidup, mereka bersama-sama berganding bahu membina penghidupan dengan berbagai-bagai usaha untuk mendapat harta, sama-sama bersawah, berladang dan lain-lain usaha yang akhirnya mereka dapat memiliki harta iaitu hasil dari usaha bersama dan ini dinamakan harta sepencarian. Perkataan harta sepencarian ini tidak wujud dalam kamus Arab ataupun di dalam kitab-kitab fiqh. Harta sepencarian ialah harta samaada harta alih mahupun harta tak alih yang

diperolehi dalam tempoh perkahwinan di antara suami dan isteri hasil daripada sumber-sumber atau daripada usaha mereka (Mimi Kamariah, 1992).

Menurut Mohamad Azam (1998), maksud harta sepencarian ialah suami isteri berdua, sama ada atas nama bersama atau atas nama suami atau atas nama isteri bersama-sama, sama ada secara langsung atau tidak langsung memperolehi harta tersebut semasa tempoh perkahwinan termasuk mengiringi suami ke tempat untuk tujuan perniagaan boleh juga diambil kira sebagai sumbangan isteri dalam memperolehi harta.

Menurut Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah di dalam Buku Himpunan Fatwa (t.t) berpendapat untuk memelihara maslahat dan kepentingan isteri dan melindunginya dari terlepas mendapat hak di atas harta sepencarian itu maka isteri atau warisnya berhak mendapat daripada harta sepencarian itu dengan kadar yang berdasarkan kepada upah kerja yang munasabah menurut lazimnya bagi sesuatu kerja atau usaha. Malahan harta sepencarian itu sabit bagi si isteri sama ada perceraian berlaku dengan perintah atau kebenaran mahkamah atau dengan sebab kematian. Bahkan juga si isteri berhak menuntut harta sepencarian ini pada masa hayat suami masih ada lagi.

Ketiga, Cuti Hujung Minggu Pada Hari Jumaat

Hakikatnya, masyarakat di negeri Kedah telah mengamalkan secara '*urf*' untuk bercuti pada hari Jumaat sebagai cuti mingguan. Walaupun di dalam Islam tidak ada syarat untuk menjadikan cuti pada hari-hari tertentu sebagai cuti mingguan kerana Agama Islam sifatnya beramal yakni bekerja, dan seseorang muslim itu membahagikan masa hariannya kepada waktu untuk beribadat, waktu untuk bekerja, waktu untuk berehat dan waktu untuk bertafakur kepada kebesaran Allah dan menghisab diri sendiri tentang amalan baik atau sebaliknya yang telah dilakukan. Namun disebabkan sudah menjadi satu amalan tradisi untuk bercuti pada setiap minggu maka masyarakat Kedah telah menjadikan hari Jumaat sebagai hari cuti khususnya bagi memberi kemudahan kepada umat Islam untuk menunaikan solat Jumaat. Masyarakat di negeri Kedah menjadikan '*urf*' bercuti pada hari Jumaat ini untuk memuliakannya berbanding dengan hari-hari yang lain.

Di dalam Islam sepertimana terdapat tempat-tempat yang dimuliakan seperti tanah Haram Mekah, Padang Arafah, Mina, Bukit Sofa dan Marwah dan lain-lain juga terdapat hari-hari-hari dan waktu-waktu yang dimuliakan ataupun di sebut juga dengan hari-hari kebesaran Islam seperti hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidil Adha, Hari berwukuf di Arafah, Hari Kelahiran Baginda Nabi s.a.w. , Malam Israk dan Mikraj, Malam Lailatul Qadar, Hari Nisfu Syaaban dan Hari Jumaat. Hari Jumaat adalah Penghulu segala Hari dan sebaik-baik hari yang naik matahari padanya. Pada hari ini juga ada beberapa adab yang sangat baik untuk disempurnakan oleh orang-orang Islam seperti membersihkan diri, membanyakkan doa, bersalawat ke atas Nabi s.a.w., bersegera ke masjid, membanyakkan zikir, beriktikaf dan lain-lain amal kebajikan.

Menurut Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah di dalam Buku Himpunan Fatwa (t.t) berpendapat bahawa bercuti pada hari Jumaat adalah lebih sesuai kerana ia bertepatan dengan usaha-usaha di dalam meningkatkan syiar Islam yang suci dan bagi menghormati hari yang mulia supaya generasi yang akan datang tidak terhakis penghormatan mereka kepada hari Jumaat sepertimana yang berlaku kepada generasi pada hari ini yang tidak lagi mengetahui

hari-hari dan bulan-bulan hijrah akibat dari meninggalkan penggunaan hari dan bulan hijrah disebabkan penggunaan hari dan bulan masihi.

Keempat, Jual Beli Najis Yang Dijadikan Baja

Menjadi kelaziman masyarakat di negeri Kedah, berjual beli najis untuk dijadikan baja. Majoriti masyarakat mempunyai persepsi bahawa kebiasaan tersebut adalah sesuatu yang baik. Amalan '*urf*' ini sudah menjadi satu amalan kebiasaan kepada masyarakat. Justeru itu baja najis atau baja asli ini amat mudah didapati di kedai-kedai tanaman hiasan. Baja asli ini sangat baik dan diperlukan untuk kesuburan tanah-tanah pertanian. Perkembangan semasa juga menunjukkan minat orang ramai suka menghiasi halaman rumah mereka dengan tanaman-tanaman hiasan yang menyebabkan permintaan orang ramai terhadap baja asli semakin bertambah.

Setiap pekerjaan yang dilakukan memerlukan perbelanjaan dan upah. Hal ini juga melibatkan pekerjaan menyediakan dan memproses baja, oleh itu untuk kebaikan penjual dan pembeli, maka jual beli adalah jalan yang terbaik. Sekalipun ijma' ulama mengharamkan jual beli najis kerana ada halangan yang jelas di dalam al-quran, namun pengharam tersebut boleh ditafsirkan lagi.

Fuqaha memutuskan bahawa setiap barangan yang hendak dijual beli itu syaratnya mestilah bersih. Jual beli najis seperti arak, babi, bangkai dan sebagainya adalah tidak diharuskan syarak. Menurut al-Syaukani (1986), ulama sepakat mengatakan haram. Dalil pengharamannya ialah firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, 2:173.

Maksudnya: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang Yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda Yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Menurut al-Qurtubi (1994), berdasarkan kepada ayat al-Quran di atas fuqaha sepakat mengatakan bahawa jual beli arak dan darah hukumnya adalah haram. Oleh itu, haram juga jual beli barangan yang kotor, najis dan tidak halal di makan kerana diqiyaskan dengan arak dan darah. Walaubagaimanapun al-Qurtubi menyatakan juga bahawa Imam Malik memberi fatwa makruh berjual beli tahi binatang dan memberi kelonggaran kepada jual beli najis tersebut kerana ianya memberi faedah.

Pandangan ini amat menarik kerana beliau tidak melihat kepada zat barangan yang dijual beli sebaliknya melihat kepada faedah kegunaannya. Jual beli baja najis untuk dijadikan baja tanaman adalah suatu yang berfaedah jika di banding dengan darah dan arak. Kerana ia dapat menyuburkan tanah yang akhirnya akan menghasilkan tanaman yang baik yang dapat memberikan pulangan yang menguntungkan. Sedangkan arak dan darah dilihat tidak langsung mendatangkan kebaikan kepada pengguna sekalipun dijadikan baja. Oleh itu qiyas najis binatang dengan arak dan darah tidak tepat. Di tambah pula dengan dilihat kepada '*urf*' di dalam masyarakat yang menggunakan baja najis itu untuk menyuburkan tanaman mereka dan bukan untuk dijadikan sebagai makanan.

Oleh itu berdasarkan kepada *'urf* yang diamalkan oleh masyarakat dan disokong dengan keperluan kepada perkembangan hukum semasa, maka amalan menjual beli najis baja asli oleh masyarakat di negeri Kedah adalah harus demi kebaikan pembekal dan pengguna, amalan ini tidak bercanggah secara langsung dengan nas syarak.

Penutup

'urf boleh memberi kesan kepada perubahan hukum sekiranya ia diamalkan oleh majoriti masyarakat sekalipun dengan majoriti yang sedikit selagi mana *'urf* itu tidak bercanggah dengan nas syarak, *'urf* juga merupakan salah satu daripada sumber hukum di dalam Islam. Oleh itu *'urf* mempunyai peranannya yang tersendiri di dalam membantu menetapkan pengeluaran sesuatu hukum.

Rujukan

- Al-Marbauwi, Muhammad Idris Abd Rauf al-Marbauwi.(1990). *Kamus al-Marbauwi*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (1985). *Awamil al-Saah wa al-Murunah fi al-Shariah al-Islamiyah*. Kaherah: Dar al-Sahwah.
- Al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad.(1994). *Jami' al-Ahkam al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali. (1986). *Nail al-Awtar*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zarqa’, Ahmad bin Muhammad. (1989). *Syarh al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. (t.t). *Buku Himpunan Fatwa Negeri Kedah*. Alor Setar: Percetakan Siaran Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan, Edisi Ketiga. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mimi Kamariah Majid. (1992). *Undang-Undang Keluarga Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Butterworth Asia.
- Mohamad Azam Mohamad Adil, (1998). Undang-undang Perceraian Islam: Hak-hak Isteri Semasa Dan Selepas Iddah. *Jurnal Undang-undang IKIM*, 2(2), 129-139.
- Mohd.Saleh Haji Ahmad. (1999). *Penggunaan Taqlid dan Talfiq Dalam Fatwa* “dlm. Abd. Karim Ali dan Raihanah Azhari, peny. *Hukum Islam Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- Mohd Salleh Haji Ahmad. (1999). *'urf dan 'adat semasa di Malaysia sebagai asas penentuan hukum yang tidak dinaskan*. Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.
- Muhammad Basmih, Sheikh Abdullah. (1983). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-quran*. Kuala Lumpur: BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri.
- Othman Ishak. (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Islam* . Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Othman Ishak. (1997). *Hubungan Antara Undang-Undang 'adat Dengan Undang-Undang Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zaydan, Abd Karim.(1987). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.